

Seramai 83 pelajar, 15 guru pengiring SK.Pekan Sipitang lawat UMS, TLDM

NST 4.10.16 10

SIPITANG: Program lawatan sambil belajar SK.Pekan Sipitang diadakan baru-baru ini ke Universiti Malaysia Sabah dan Pangkalan Tentera Laut Sepanggar.

Seramai 83 orang pelajar Tahun 6 dan 15 guru pengiring yang terlibat termasuk Guru Besar, Guru Penolong Kanan Kokurikulum, Guru Penolong

Kanan Petang dan guru-guru Tahun 6. Program ini merupakan aktiviti yang dirancang selepas UPSR.

Antara tempat yang dikunjungi di UMS adalah Muzium Akuria dan Muzium Canselori.

Tujuan program lawatan ini adalah untuk memberikan pengalaman baru kepada para murid seperti

melihat spesies hidupan laut yang pelbagai.

Semasa di Dewan Canselori, rombongan telah diberi taklimat oleh Pegawai Perhubungan Seksyen Muzium UMS Puan Dumi Douglas iaitu.

Rombongan seterusnya melawat ke Pangkalan Tentera Laut Diraja

Malaysia di Teluk Sepanggar.

Sebaik tiba rombongan telah diberikan taklimat oleh Pegawai Waran Markas Encik Mohd Rozi bin Othman di Wisma Pelayaran.

Lawatan ke kapal KD Kelantan merasai pengalaman menaiki dan mengetahui bahagian-bahagian kapal. Lawatan diselitkan dengan

cara-cara menyelamatkan di dalam air di Kompleks Sukan PTKK dan per-tunjukan penggunaan senjata ringan yang digunakan oleh tentera laut.

Sebelum berangkat pulang rombongan dijamu dengan makan dan minum petang oleh pihak TLDM di Wisma Pelayaran seterusnya bertukar-tukar cenderahati.



DI RUANG LEGAR KAPAL ... Para Pelajar bergambar di ruang legar kapal KD Kelantan, turut bersama Ismail Hj.Pani, Simon Intim, Asiah Tuah, Badalisah dan Lydia.



MELIHAT DARI DEKAT ... Para pelajar diberi peluang melihat sistem pengendalian utama kapal KD.Kelantan dan diberi peluang untuk bertanyakan tentang pengendalian pelayaran dan tempur oleh pegawai TLDM yang mengiring.